

**TERMA & SYARAT  
PEWARISAN BERTAKAFUL**

---

**1. Kelayakan**

- Terbuka kepada individu berumur 18 hingga 69 tahun.
- Penyertaan adalah tertakluk sepenuhnya kepada penilaian risiko dan kelulusan oleh Pengendali Takaful.

**2. Sumbangan Bulanan**

- Sumbangan bulanan serendah RM10.00 sebulan.
- Pembayaran perlu dibuat secara konsisten dan tepat pada masa bagi mengekalkan perlindungan.

**3. Tempoh Perlindungan**

- Perlindungan adalah sah sehingga sebelum Peserta mencapai umur 70 tahun.
- Perlindungan akan tamat sekiranya :
  - Tamat tempoh sijil;
  - Kematian Peserta; ATAU
  - Pembatalan sijil.
- Tuntutan hanya boleh dikemukakan dalam tempoh 6 tahun dari tarikh kematian Peserta.

**4. Manfaat Perlindungan**

- Dana takaful akan digunakan untuk membiayai dan/atau meminimakan kos pentadbiran harta pusaka Peserta selaku pelanggan AmanahRaya.
- Tuntutan hanya sah jika dikemukakan oleh dan melalui AmanahRaya.
- Manfaat akan dibayar terus kepada AmanahRaya selepas kematian Peserta.
- Sekiranya pentadbiran harta pusaka tidak dilaksanakan oleh AmanahRaya, waris dikehendaki mengemukakan Geran Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian yang sah. Caj pemprosesan sebanyak RM2,000.00 akan dikenakan.

**5. Pengecualian**

- Tiada manfaat akan dibayar jika kematian disebabkan oleh:
  - Kematian semula jadi dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula sijil.
  - Kematian bunuh diri sama ada waras atau tidak.
  - Penyakit sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama penyertaan.
  - Kematian akibat AIDS atau sebarang penyakit akibat jangkitan seksual.
  - Penipuan atau penyembunyian maklumat penting semasa permohonan.
  - Tertakluk kepada ketetapan dan garis panduan Pihak Takaful.

**6. Pembatalan & Penamatan**

- Peserta boleh membatalkan penyertaan pada bila-bila masa tertakluk kepada terma pembatalan oleh Pengendali Takaful.
- Kegagalan membayar sumbangan boleh menyebabkan penamatan atau penggantungan sijil.

**7. Perubahan Polisi**

- Sebarang perubahan tertakluk kepada kelulusan AmanahRaya.
- Peserta akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum sebarang perubahan dilaksanakan.

**8. Penyelesaian Pertikaian**

- Segala pertikaian akan diselesaikan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia.